

23/10/1999

Setiap kawasan perlu ada pasukan bomba

JITRA, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata setiap kawasan perlu mempunyai bomba sukarela sendiri supaya kebakaran dapat dikawal lebih cepat.

Beliau berkata, bomba sukarela yang biasanya ditubuhkan di pekan kecil mungkin dapat tiba lebih cepat ke tempat kejadian berbanding pasukan Bomba dan Penyelamat kerana mereka lebih dekat.

Katanya, kerajaan amat menghargai bantuan bomba sukarela.

"Adalah baik mempunyai bomba sukarela... sementara menunggu pasukan Bomba dan Penyelamat tiba, pasukan bomba sukarela dapat menjalankan kerja awal mengawal kebakaran," katanya pada majlis penyerahan bantuan bagi membangunkan semula sembilan kedai di Pekan Kodiang yang terbakar 13 Oktober lalu.

Sejumlah RM28,000 diterima hari ini daripada MCA dan MIC bahagian Kubang Pasu dan sumbangan individu. Sumbangan itu disampaikan kepada Dr Mahathir yang kemudian menyerahkan kepada jawatankuasa kebakaran.

Dalam kejadian jam 8 pagi hari itu, pasukan bomba sukarela dari Kodiang dan pekan berdekatan - Air Hitam dan Megat Dewa - membantu pasukan Bomba dan Penyelamat memadam kebakaran dan mengawal api daripada merebak ke kedai berdekatan.

(END)